



Our Ref: (10) in HQ/G/048/2018

2hb Oktober 2018

Kepada: Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat MCA
Para Perwakilan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Bahagian pada Tahun 2018
Ahli-Ahli Parlimen Dan Dewan Undangan Negeri MCA
Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri MCA
Pengerusi-Pengerusi Bahagian MCA /Pemuda /Wanita

Per: Perhimpunan Agung Tahunan MCA Yang Ke-65

Adalah dimaklumkan bahawa Perhimpunan Agung Tahunan MCA yang ke-65 akan diadakan pada hari Ahad, 2hb Disember 2018 mulai jam 9.00 pagi bertempat di Dewan San Choon, Tingkat 2, Wisma MCA, 163, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Agenda

1. Ucapan oleh Presiden.
2. Ucapan Perasmian oleh Bekas Presiden Dato' Sri Liow Tiong Lai.
3. Pemilihan Speaker dan Timbalan Speaker Perhimpunan Agung.
4. Pengesahan minit Perhimpunan Agung Tahunan Yang ke-64 yang telah berlangsung pada 4hb dan 5hb November 2017
5. Pembentangan Laporan Setiausaha Agung.
6. Usul Terima Kasih kepada Presiden atas ucapannya.
7. Perbincangan ke atas Ucapan Presiden.
8. Perbincangan ke atas resolusi-resolusi.
9. Usul di bawah Artikel 37.5 Perlembagaan MCA.

Pemilihan Ahli Jawatankuasa Pusat MCA 2018-2021

Pemilihan Jawatankuasa Pusat Parti akan diundi oleh Perwakilan Bahagian dalam sistem pemilihan baru Parti. Tarikh pengundian telah dijadualkan pada 4hb November 2018 (Ahad) di tempat terpilih di setiap MCA Bahagian. (Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada notis kepada Perwakilan Bahagian untuk pemilihan Jawatankuasa Pusat / Laman web MCA)

Perwakilan Bahagian akan memilih Ahli Jawatankuasa Pusat seperti berikut :

<u>Jawatan</u>	<u>Bilangan</u>
Presiden	1
Timbalan Presiden	1
Naib Presiden	4
Ahli Jawatankuasa Pusat MCA	25

Address (地址): Wisma MCA (8th Floor), 163 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.
P.O. Box (郵箱): 10626, 50720 Kuala Lumpur. Home Page (網址): <http://www.mca.org.my>
Telephone (電話): 03-2203 3888 Facebook (面子书): <http://www.facebook.com/MCAHQ>
Facsimile (傳真): 03-2161 9772 Twitter (推特): <http://twitter.com/MCAHQ>
Email (電子郵件): info@mca.org.my Weibo (微博): <http://www.weibo.com/mcahq>

Penamaan Calon

1. Hanya perwakilan dibawah Artikel 33 Perlembagaan MCA boleh mengambil bahagian dalam pemilihan jawatan di atas.
2. Jawatankuasa Pemilihan MCA telah menetapkan bahawa masa bagi penamaan calon adalah pada hari **Isnin, 15hb Oktober 2018 jam 1.00 petang hingga 5.00 petang**. Tempat penamaan calon ditetapkan di Dewan San Choon, Tingkat 2, Wisma MCA, 163, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
3. Turutan nombor calon diatas kertas undi akan ditentukan melalui cabutan selepas penamaan calon.
4. Bersama-sama surat ini disertakan borang penamaan calon untuk kegunaan saudara/saudari; salinan fotostat borang penamaan calon juga boleh diterima.
5. Borang penamaan calon boleh juga diperolehi di Ibu Pejabat MCA, Tingkat 9, Wisma MCA, 163, Jalan Ampang, Kuala Lumpur mulai hari **Isnin, 8hb Oktober 2018** pada waktu pejabat atau muat turun daripada laman web MCA.

Resolusi-Resolusi

Semua resolusi hendaklah ditulis di dalam borang yang dilampirkan dan hantarkan kepada Ibu Pejabat MCA pada atau sebelum hari **Khamis, 15hb November 2018**.

Pendaftaran

1. Untuk mengelakkan kesesakan, para perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung boleh mendaftarkan diri lebih awal pada hari **Sabtu, 1hb Disember 2018 mulai jam 3.30 petang hingga 8.30 malam** di Tingkat 3, Wisma MCA, 163, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
2. Pendaftaran pada hari **Ahad, 2hb Disember 2018** akan bermula pada **jam 7.30 pagi** dan akan ditutup pada **jam 10.30 pagi**. Perwakilan yang lewat tidak dibenarkan mendaftar dan menghadiri Perhimpunan Agung.
3. Para perwakilan dikehendaki menggunakan **Kad Keahlian Pintar atau Kad Pengenalan** semasa pendaftaran. *Sila ambil perhatian bahawa pihak Urusetia akan menolak pendaftaran bagi para perwakilan yang gagal menunjukkan Kad Keahlian Pintar/Kad Pengenalan.*
4. Pemerhati tidak dibenarkan menghadiri Perhimpunan tahun ini disebabkan kekurangan tempat duduk.

Pakaian Seragam Parti


Semua perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung mesti memakai pakaian seragam parti.

Pertanyaan

Sekiranya Saudara/Saudari mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Ibu Pejabat MCA di nombor telefon 03-2203 3888.

Terima kasih.

Yang benar,


Dato' Seri Ong Ka Chuan
Setiausaha Agung MCA